



Submission: 12/08/2021 Accepted: 03/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.429

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK BERKAITAN AL-IJAZ DAN AL-ITNAB DALAM AL-QURAN

A Systematic Literature Review: Analysis on Rhetorical Figures of Quranic Brevity and Verbosity

Nasimah Abdullah^{a1}, Lubna Abd Rahman^{b2} & Muhammad Mukhlis Muhammad
Rosli^{a3}

^aKolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

^bUniversiti Sains Islam Malaysia (USIM)

¹nasimah@kuis.edu.my

²lubna@usim.edu.my

³mukhlisrosli93@gmail.com

Abstract

There has been a lot of debate among Muslim scholars on the elements of *I'jāz al-Qurān* or inimitability of the Qurān, particularly *I'jāz bayāni* which examines the language aspects. However, the elements of *al-Ījāz* or brevity and *al-Itnāb* or verbosity, which are part of the elements of *I'jāz al-Qurān* that influence a text's meaning, are given less attention. This is because most scholars focused their research on specific aspects of *ʿIlm al-Bayān*, such as *al-isti'ārah*, *al-tashbīh*, *al-kināyah*, and other related topics. *al-Ījāz* and *al-Itnāb*, however, are classified among the elements of *ʿIlm al-Ma'āni*. Therefore, this paper focuses on previous studies written in both Malay and English about the elements of *al-Ījāz* and *al-Itnāb* in the Quran to see on the scopes those free online studies covered. This study adopted a qualitative approach using the document analysis method and employed a systematic literature review as the research framework. The analysis focuses on the studies' designs, limitations, research methods, and findings. It was discovered that there were merely six (6) studies related to the elements of *al-Ījāz* and *al-Itnāb* through open access studies using Google Scholar and the Research Gate database. These findings are significant to indicate the importance of emphasizing issues involving lexical units, word structures, and utterance forms that may have implications on the meaning of the Qur'an. Consequently, it is recommended that previous research findings can be

integrated with future research to investigate new issues concerning the rhetorical figures of *al-Ījāz* and *al-Itnāb*.

Keywords: Brevity, Verbosity, al-Quran, Systematic Literature Review.

Abstrak

Kajian mengenai elemen *I'jāz al-Quran* terutamanya *I'jāz bayānī* yang menyentuh aspek bahasa telah banyak dikemukakan oleh cendekiawan Islam. Namun begitu, *al-Ījāz* dan *al-Itnāb* yang menjadi sebahagian daripada elemen *I'jāz al-Quran* yang memberi kesan kepada makna sesuatu teks kurang diberi perhatian. Hal ini sedemikian kerana kebanyakan sarjana menumpukan kajian kepada cabang ilmu *al-Bayān* seperti *al-isti'ārah*, *al-tashbīh*, *al-kināyah* dan lain-lain, sedangkan elemen *al-Ījāz* dan *al-Itnāb* dikategorikan dalam ilmu *al-Ma'ani*. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada literatur berkaitan *al-Ījāz* dan *al-Itnāb* yang terdapat di dalam al-Quran dalam kajian terdahulu yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk melihat cakupan dan liputan kajian akademik yang diperolehi secara dalam talian dengan percuma. Kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen yang dihurai secara deskriptif dan berlandaskan tinjauan literatur sistematik. Analisis ini memfokuskan jenis kajian, batasan kajian, metode kajian dan dapatan kajian terdahulu. Melalui akses pangkalan data *Google Scholar* dan *Research Gate* yang diperolehi secara percuma didapati enam (6) sahaja kajian berkaitan *al-Ījāz* dan *al-Itnāb*. Dapatan ini adalah signifikan untuk merumuskan keperluan menonjolkan pengkajian dalam isu yang melibatkan unit leksikal, struktur kata dan bentuk ujaran yang memberi implikasi kepada makna al-Quran. Oleh yang demikian, penemuan kajian lepas boleh diintegrasikan dengan kajian akan datang untuk meneroka cadangan isu baharu berkaitan figura retorika *al-Ījāz* dan *al-Itnāb*.

Kata kunci: *al-Ījāz*, *al-Itnāb*, al-Quran, Tinjauan Literatur Sistematik.

PENDAHULUAN

Bahasa ialah alat yang sangat signifikan untuk manusia berkomunikasi. Dengan sebab itu, Ibn Jinni (2004) menggambarkan bahawa seseorang itu tidak dapat mengekspresikan atau menyampaikan hasrat dan kehendaknya melainkan dengan perantaraan bahasa. Kegagalan memahami bahasa yang diungkapkan menyebabkan sesuatu interaksi dan komunikasi antara dua pihak tidak boleh disampaikan dengan baik. Edward Sapir (1921) mendefinisikan bahasa sebagai suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sedar. Hall (1968) juga menegaskan perkara yang sama bahawa bahasa ialah salah satu institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan pendengaran yang arbitrari mengikut sifatnya. Ini menunjukkan bahawa bahasa disampaikan menggunakan simbol-simbol

dan konstituen-konstituen yang bercirikan pelbagai gaya dan kaedah. Kita mungkin boleh menggabungkan perkataan-perkataan yang ada untuk diberi makna tambahan baharu. Kita juga mungkin boleh membuang satu perkataan daripada mana-mana frasa, klausa atau ayat untuk meringkaskan makna. Oleh yang demikian, penting bagi manusia memahami bagaimana sesuatu makna boleh diungkapkan dengan menggunakan pelbagai gaya kesenian bahasa yang ada.

Komunikasi manusia dengan pencipta pula adalah melalui al-Quran. Kitab suci al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab sudah semestinya mempunyai nilai komunikasi yang tinggi nilainya melalui seni gaya bahasa tersendiri yang perlu diberi perhatian sewajarnya agar kita boleh memahami mesej yang ingin disampaikan dengan jelas. Al-Rūmī (2000) menjelaskan bahawa al-Quran mempunyai sifat atau ciri istimewa yang berbeza daripada wacana atau teks yang lain dari aspek penulisan, bicara dan olahannya. Antara keistimewaan al-Quran adalah dari segi ciri-ciri fonetik, derivasi (*al-ishtiqaq*), pembentukan leksikal, fleksi (*al-I'rāb*), arabisasi (*al-Ta'rīb*), kesesuaian huruf dengan makna, konsep polisemi, sinonimi, antonimi, struktur ayat, stilistik ayat, susunan kata, aspek tatabahasa dan pembinaan ayat (Che Radiah Mezah, 2001:70). Selain itu, al-Quran juga mempunyai nilai estetik yang sangat tinggi. Nilai estetik tersebut bukan sahaja dari sudut wacananya yang mempunyai konsep ketenunan teks (Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman, 2018:91), malah dari aspek retoriknya juga (Ach Thabrani, 2018:1).

Ramai sarjana Islam telah membahaskan perihal aspek ketenunan al-Quran. Al-'Aniy (2001) sebagai contoh telah mengatakan bahawa antara ciri istimewa yang terdapat pada wacana al-Quran ialah ketenunan atau kesatuan teks serta gaya bahasanya yang unik dan tersendiri. Begitu juga dengan al-Zurqānī (2003) dan al-Rūmī (2000) yang menegaskan bahawa sifat ketenunan dalam al-Quran ini boleh dilihat daripada penggunaan lafaz yang sesuai dan saling berkaitan dengan bahagian teks yang lain selain menepati maksud serta tujuannya dalam ayat. Ini bermakna jalinan antara lafaz dan struktur ayat dalam wacana al-Quran membentuk ketenunan dan kesatuan tekstual secara keseluruhannya. Selain itu, keistimewaan wacana al-Quran juga terletak pada keindahan gaya bahasa dan olahan kata-katanya dalam menyampaikan dan menerangkan maksud. Antara gaya bahasa yang terkandung dalam al-Quran ialah gaya bahasa *al-Ījāz*, *al-Itnāb* dan lain-lain lagi.

Ironinya, al-Quran mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri dari segi susunan linguistik dan isi kandungannya yang dikenali dalam epistemologi Islam dengan konsep *I'jāz* al-Quran (kemukjizatan al-Quran atau *inimitability of the Quran*). Dari sudut terminologi, al-Ṭahānawī (1996:1575) menjelaskan perkataan *i'jaz* merujuk kepada suatu perkara yang menyalahi kebiasaan atau cabaran yang tidak boleh ditandingi. Manakala, al-Qurṭubī (2006:112) pula mendefinisikan *i'jaz* kepada satu

fenomena kelemahan manusia untuk menghasilkan sebagaimana yang diturunkan oleh Allah SWT. Keadaan ini menjadikan al-Quran mempunyai status yang sangat eksklusif kerana didasari dengan konsep *i’jaz al-Quran*.

Jika ditelusuri sejarah perkembangan ilmu balaghah Arab, al-Khātib al-Qazwīnī (w.739H) membahagikan ilmu retorik Arab kepada ilmu *al-Bayān* (*figures of speech*), ilmu *al-Ma’āni* (*stylistics*), dan ilmu *al-Badī’* (*embellishments*) pada abad ke-8 hijrah. Perbincangan tentang kesenian retorik Arab tidak terkeluar daripada tiga cakupan tersebut sehinggalah sekarang. Setiap satu cabang ilmu balaghah tersebut mempunyai keistimewaan dan keunikan tersendiri. Gaya bahasa *al-Ījāz* dan *al-Itnāb* tergolong di bawah perbincangan ilmu *al-Ma’āni*. Sebenarnya ilmu *al-Ma’āni* telah dibincangkan oleh para sarjana Islam silam seperti al-Jāhiz (w. 255H), al-Rummānī dan al-Baqālānī (w. 403H) yang kemudiannya telah diperincikan perbincangan tentangnya oleh sarjana balaghah seperti al-‘Askarī, al-Khafājī dan Ibn al-Athir (Ahmad Kamal & Md. Nor, 2019).

Al-Sakkākī (w. 626H) mendefinisikan ilmu *al-Ma’āni* sebagai bidang kajian tentang spesifik struktur kata untuk menghasilkan suatu manfaat dan yang berkaitan dengannya, sama ada dari segi memperindahkan ungkapan, mahu pun untuk tujuan lain agar dapat terhindar daripada berlaku kesalahan dalam menyesuaikan sesuatu ungkapan dengan kehendak situasi ketika ungkapan itu diucapkan (Aṭaillah Junaidī, 2012:231). Secara mudahnya ilmu *al-Ma’āni* ialah ilmu yang menghuraikan jenis ujaran dalam bahasa Arab berdasarkan struktur dan penggunaannya dalam sesebuah wacana (Azman Che Mat, 2018).

Daripada definisi tersebut dapat difahami bahawa ilmu *al-Ma’āni* ialah ilmu yang mengajar kita bagaimana menyusun ungkapan dengan betul dan sesuai dengan konteks tuturan atau ucapan. Oleh kerana ilmu *al-Ma’āni* mengambil kira konteks ucapan, ini bermakna disiplin ilmu tersebut bukan semata-mata memberi penekanan kepada penggunaan struktur ayat dalam wacana malah juga memberi tumpuan kepada aspek makna. Malah al-Sakkākī sendiri selaku sarjana paling awal yang memberikan definisi terhadap ilmu *al-Ma’āni* mengaitkannya dengan aspek makna melalui penggunaan istilah kehendak situasi. Jika dilihat dari sudut pentafsiran al-Quran, terdapat ramai ahli tafsir yang memberi penekanan terhadap aspek makna seperti al-Zamakhshari dalam *al-Kashshāf*, al-Alūsī dalam *Rūḥ al-Ma’ānī*, Ibn Ashur dalam *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* dan lain-lain lagi. Antara gaya bahasa yang berkait dengan aspek makna dalam ilmu *al-ma’ānī* ialah *al-ījāz* dan *al-itnāb*.

DEFINISI AL-ĪJĀZ DAN AL-ITNĀB

Al-Hāshimī (1999:197) mengatakan *al-ījāz* ialah gaya bahasa yang mengandungi pengertian luas dengan menggunakan perkataan sedikit, jelas dan bersesuaian dengan

maksud. Faḍ Hassan ‘Abbas (2004:472) pula mendefinisikan *al-ījāz* sebagai gaya bahasa yang menggunakan lafaz sedikit berserta makna yang padat atau meminimumkan penggunaan lafaz tetapi menjana makna yang luas dan banyak. Secara mudahnya, *al-ījāz* bermaksud menggunakan perkataan yang sedikit bagi menjelaskan makna yang banyak (Roslan, Md Nor, Abdul Wahid & Abdulsoma, 2017).

Sarjana balaghah membahagikan *al-ījāz* kepada dua jenis, iaitu *Ījāz al-Qiṣr* dan *Ījaz al-Hazf*. *Ījāz al-Qiṣr* merujuk kepada ungkapan ringkas yang mencakupi makna yang luas tanpa sebarang pengguguran kalimah atau lafaz (al-Jārim & Amin, 1999: 242; al-Maidānī, 1996:29). Manakala, *Ījaz al-Hazf* merujuk kepada ungkapan ringkas dengan cara menggugurkan kalimah mahu pun ayat dengan disertakan petunjuk ayat (*qarīnah*) yang merujuk kepada lafaz yang digugurkan itu (al-Jārim & Amin, 1999: 242). Secara mudahnya, *Ījaz al-Hazf* ialah pemendekan secara pengguguran sementara *Ījaz al-Qiṣr* pula ialah pemendekan secara singkatan.

Keadaan ini berbeza dengan gaya bahasa *al-Itmāb* yang mengandungi lebih banyak susunan perkataan berbanding dengan makna untuk tujuan tertentu (al-Hāshimī, 1999:201), atau bercirikan penambahan lafaz terhadap makna untuk tujuan tertentu (al-Jārim & Amin, 1999; Fayūḍ, 1998; Lāshin, 2002) atau juga teknik penghuraian sesuatu perkara dengan cara penyebutan lebih daripada sekali (Faḍ Hassan ‘Abbas, 2004). Para sarjana balaghah mengklasifikasikan teknik *al-Itmāb* kepada beberapa jenis, antaranya penambahan makna secara terperinci setelah keterangan umum (*al-īdāh ba’d al-Ibhām*), penambahan makna khusus setelah makna umum atau sebaliknya (*zīkr al-Khāṣ ba’d al-‘ām wa-‘aksuh*), pengulangan lafaz (*al-takrār*), penambahan ayat yang mempunyai makna yang sama (*al-Tadhyīl*), penambahan kata sisipan antara dua ayat yang saling berhubung (*al-I’tirāḍ*), dan penambahan kata untuk mengelak daripada salah faham (*al-Ihtiras*) (al-Jārim & Amin, 1999; Fayūḍ, 1998; Lāshin, 2002).

Dengan erti kata lain, *al-ījāz* merupakan penyampaian sesuatu maksud dengan ungkapan yang pendek dan padat yang mengandungi pengertian luas, manakala *al-Itmāb* pula ialah penyampaian sesuatu maksud dengan sesuatu ungkapan, sama ada ungkapan itu sedikit ataupun banyak bergantung kepada beberapa ayat ataupun satu ayat (Aṭaillah Junaidī, 2012:151). Azman Che Mat (2008) menyatakan bahawa kedua-dua gaya bahasa tersebut memerlukan pemerhatian yang khusus dari segi unit leksikal yang digunakan. Hal ini sedemikian kerana *al-ījāz* terbentuk dan berlaku hasil daripada pengguguran sesuatu patah perkataan, frasa, klausa atau ayat yang boleh memberi kesan kepada makna yang ingin disampaikan. Begitu juga dengan *al-Itmāb* yang menggunakan leksikal yang banyak sedangkan maksudnya adalah sedikit.

Ironinya, *al-ījāz* bukan sekadar melibatkan kuantiti lafaz yang sedikit, tetapi yang lebih penting adalah lafaz tersebut mampu menghimpun keseluruhan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Manakala, *al-Iṭnāb* pula berpaksikan pengukuhan makna yang berperanan dalam memastikan sesuatu makna itu dapat diperjelaskan secara konsisten yang akhirnya memberi nilai tambah dari aspek retorik sesuatu ayat (Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah, 2019:59).

Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa *al-ījāz* merupakan ungkapan ringkas yang tidak mencatitkan makna, manakala *al-Iṭnāb* pula merupakan lebih ungkapan yang didatangkan dengan faedah tertentu, dan bukannya lebih yang tidak mendatangkan sebarang manfaat seperti gaya bahasa *al-Taṭwil* (التطويل). Untuk menentukan sama ada sesuatu penambahan dapat memberi faedah atau sebaliknya adalah bergantung kepada konteks dan petunjuk ayat (*al-Qarinah*) (Al-Hāshimī, 1999:201; Fayūd, 1998:409). Apa yang pasti kedua-dua gaya bahasa *al-ījāz* dan *al-iṭnāb* ini digunakan dengan meluas di dalam al-Quran. Oleh itu, kedua-dua gaya bahasa ini sudah pasti mempunyai makna implisit dan eksplisit yang perlu difahami struktur dan bentuk ujarannya. Memahami kedua-dua gaya bahasa ini dapat membantu memberi kefahaman tentang mesej al-Quran dengan lebih mendalam.

Istilah *al-ījāz* diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan peringkasan (Azhar Muhammad, 2008), ungkapan ringkas (Mohd. Zaki Abd Rahman, 2013), ayat ringkas (Abdul Wahid Salleh et al, 2016) dan ujaran ringkas (Azman Che Mat, 2018). Manakala istilah *al-Iṭnāb* pula diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan penghuraian (Azhar Muhammad, 2008), ungkapan panjang (Mohd. Zaki Abd Rahman, 2013), ayat panjang (Abdul Wahid Salleh et al, 2016) dan lebih unit kata (Azman Che Mat, 2018). Dalam bahasa Inggeris digunakan istilah “*brevity*” untuk merujuk kepada *al-ījāz* dan “*verbosity*” untuk merujuk kepada *al-Iṭnāb*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Hisham Hariz (2006) telah menyenaraikan sejumlah empat puluh satu (41) bentuk *I’jāz* al-Quran dan merumuskan bahawa sebahagian besar daripada bentuk *I’jāz* tersebut saling berkait antara satu sama lain. Al-Suyūtī (1998) pula menyenaraikan tiga puluh lima (35) bentuk *I’jāz* al-Quran dan memperincikan setiap daripadanya termasuklah gaya bahasa *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*.

Namun begitu, figura retorika *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang menjadi sebahagian daripada elemen *I’jaz bayānī* al-Quran kurang diberi perhatian. Fenomena ini ditegaskan oleh kajian Azman Che Mat (2018) yang mendapati kebanyakan kajian ilmiah lepas lebih menjurus kepada aspek *majāz* dan aspek yang hampir sama dengannya dalam perbincangan ilmu *al-Bayān*.

Dengan erti kata lain, kebanyakan sarjana memberi tumpuan kepada mengkaji cabang ilmu *al-Bayān* seperti *al-Isti'ārah* (metafora), *al-Tashbīh* (simile), *al-Kināyah* (kiasan), *majāz al-Mursal* dan lain-lain, sedangkan *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* digolongkan dalam kategori ilmu *al-Ma'āni* yang mengkaji tentang struktur kata dan bentuk ujaran. Walau bagaimanapun, kedua-dua gaya bahasa tersebut mempunyai signifikan tersendiri dari segi memberi gambaran kepada ketinggian bahasa al-Quran yang perlu diterokai sewajarnya.

Antara buku-buku balaghah Arab yang menyentuh tentang ilmu *al-Ma'āni* secara khusus dengan mengemukakan contoh-contoh daripada wacana al-Quran ialah “*Asālib al-Ma'āni fī al-Qur'ān al-Karīm*” oleh Sayyid al-Husainī (2007), “*Jawāhir al-Balāgha fī al-Ma'āni wa al-Bayān wa al-Badī'*” oleh al-Hashimi (1999), “*al-Ma'āni fī Daw Asālib al-Qur'ān al-Karīm*” oleh Lāshin (2002), “*al-Balāgha Funūnuhā wa Afṅānuhā: 'Ilmu Ma'āni'*” oleh Faḍ Hassan 'Abbas (2004) dan “*Ilm al-Ma'āni Dirāsa Balāghia wa-Naqdiyya li-Masāil al-Ma'āni'*” oleh Fayūḍ (1998). Selain itu, terdapat juga buku-buku balaghah Arab yang menyentuh ilmu *al-Ma'āni* secara umum serta mengemukakan contoh-contoh daripada wacana al-Quran seperti “*al-Balāgha al-Wāḍiḥah*” oleh al-Jārim dan Amin (1999) serta “*al-Balāgha al-'Arabia Ususuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūnuhā'*” oleh al-Maydānī (1996).

Oleh kerana wacana al-Quran sarat dengan nilai kesusasteraan Arab, maka tidak dinafikan juga kebanyakan kitab tafsir bersifat *lughawi* ada menyentuh elemen *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* seperti Tafsir *al-Kaṣṣhāf 'an Ḥaqā'iq al-Tanzīl* (al-Zamakhsyari, 1995), Tafsir *al-Baḥr al-Muḥīṭ* (Abu Hayyan al-Gharnati, 1993), Tafsir *Ruḥ al-Ma'āni* (al-Alusi, 1994) dan Tafsir *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* (Ibn 'Asyūr, 1984). Kesemua buku balaghah dan tafsir tersebut menggambarkan ketinggian nilai khazanah ilmu berkaitan ilmu *al-Ma'āni* amnya, serta *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* khususnya yang masih belum diterokai oleh kajian semasa. Tidak ketinggalan juga elemen *al-ījāz* telah dikupas oleh sejumlah sarjana Arab silam seperti al-Jāhiz, al-Rummāni, al-Bāqilāni, Abu Hilāl al-'Askāri, Ibnu Sinan al-Khafāji dan Ibn Athīr (Fadl Hassan Abbas, 2004:470).

Ringkasnya, pelbagai buku turath dan kontemporari dalam bahasa Arab telah membincangkan tentang ilmu *al-Ma'āni* secara umum serta *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* dalam al-Quran secara khusus. Namun begitu, pemerhatian penulis mendapati kurangnya kajian ilmiah dalam menilai sejauh manakah isu *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* yang terdapat dalam al-Quran boleh diterokai dan dimanfaatkan oleh masyarakat bukan Arab yang tidak boleh berbahasa Arab. Justeru itu, kajian ini menumpukan kepada literatur berkaitan elemen *al-ījāz* dan *al-Itṅāb* yang terdapat di dalam al-Quran yang ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk melihat cakupan dan litupan kajian yang diperolehi secara atas talian dengan percuma.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini juga menerapkan reka bentuk analisis dokumen yang dihurai secara deskriptif dengan berpandukan tinjauan literatur sistematik (*systematic literature review*, SLR) sebagai landasan. Prinsip tinjauan literatur sistematik diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini yang menyoroti fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003). Kajian ini sebenarnya menerapkan carian sistematik untuk mengenalpasti keberadaan elemen *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam wacana al-Quran. Kaedah SLR ini relevan digunakan kerana keupayaannya menilai secara sistematik keseluruhan kajian yang berkaitan dengan *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*, dan sekali gus boleh menjelaskan situasi dan kedudukan isu kedua-dua elemen tersebut.


Kajian ini memfokuskan kata kunci “*al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*” sebagai langkah untuk mendapatkan sorotan literatur berhubung elemen *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran. Kajian literatur dalam skop penulisan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dimanfaatkan berdasarkan cakupan data kajian ilmiah yang diperolehi secara atas talian dengan percuma. Kajian ilmiah yang dimaksudkan di sini ialah buku, tesis atau disertasi, kertas kerja seminar atau prosiding dan artikel jurnal. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan analisis jenis kajian, batasan kajian, metode kajian dan dapatan kajian terdahulu.

Kajian-kajian lepas disoroti dan dilayari berdasarkan kata kunci “*al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*” yang boleh diakses secara percuma melalui pangkalan data *Google Scholar* dan *Research Gate*. Kajian ini tidak menetapkan tempoh masa kajian lepas yang disoroti kerana akses melalui pangkalan data *Google Scholar* dan *Research Gate* tidak meletakkan batasan masa tertentu. Namun, perkara yang diberikan had dalam kajian ini ialah pencarian maklumat mestilah secara percuma, bukan berbayar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Melalui akses pangkalan data *Google Scholar* didapati lima (5) kajian sahaja yang mana empat (4) daripadanya dijalankan secara bersama berkaitan *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*, manakala satu (1) kajian lagi berkaitan *al-Iṭnāb* sahaja. Melalui akses pangkalan data *Research Gate* pula menemui hanya dua (2) kajian. Satu kajian dijalankan secara bersama berkaitan *al-ījāz* dan *al-Iṭnāb*, manakala satu (1) kajian lagi berkaitan *al-Iṭnāb* sahaja. Walau bagaimanapun berlaku pertindihan data kajian antara *Google Scholar* dan *Research Gate*. Data tersebut ialah kajian Roslan Ab Rahman, Md. Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim (2017). Jumlah data yang diperolehi daripada pangkalan data yang berbeza ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jumlah Data Berdasarkan Pangkalan Data



Manakala jumlah sebenar data kajian yang tidak berlaku pertindihan adalah sebanyak enam (6) data sahaja. Lima (5) daripada data tersebut ditulis dalam bahasa Melayu dan satu (1) data lagi ditulis dalam bahasa Inggeris. Data-data tersebut ditunjukkan berdasarkan nama penulis, tajuk kajian dan tahun terbitan seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Data Berdasarkan Nama Penulis, Tajuk Kajian Dan Tahun Terbitan

Bil.	Penulis	Tajuk kajian	Tahun terbitan
1.	Azhar Muhammad	Perumpamaan al-Quran	2008
2.	Athailah Junaidy	Al-Sakkakiy dan Peranannya Dalam perkembangan Ilmu Balaghah	2012
3.	Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Mohd Akil Muhamed Ali	Quranic Brevity and Verbosity: What and How?	2014
4.	Roslan Ab Rahman, Md. Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim	Kepentingan Balaghah al-Itab dalam al-Quran	2017
5.	Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah	Figura Retorika al-Ijaz dan al-Itab: Analisis Surah al-Kahf	2019
6.	Nura Fajria	Korelasi al-Ijaz dan al-Itab Dengan Maqasid as-Suar (Studi dalam Kisah Nabi Musa AS	2020
Jumlah keseluruhan data			6

Dapat diperhatikan dari Jadual 2 bahawa terdapat hanya enam (6) kajian berkaitan *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang boleh diakses secara percuma melalui pangkalan data *Google Scholar* dan *Research Gate* dari tahun 2008 hingga tahun 2020 iaitu selama 12 tahun. Ringkasnya, kajian berkaitan *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* masih terbatas.

Perbincangan seterusnya akan menumpukan kepada jenis kajian, batasan kajian, metode kajian dan dapatan kajian terdahulu.

Jenis Kajian Lepas Berkaitan Elemen Al-Ījāz Dan Al-Iṭnāb Dalam Al-Quran

Dari segi jenis kajian, data bilangan pertama merupakan sumber penulisan buku, data bilangan kedua ialah penyelidikan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD), sementara empat (4) data yang berbaki merupakan hasil penulisan daripada artikel jurnal berindeks. Kesemua kajian tersebut memberikan tumpuan kepada kedua-dua elemen *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb*, melainkan kajian oleh Roslan, Md Nor, Abdul Wahid & Abdulsoma (2017) yang membincangkan elemen *al-Iṭnāb* secara bersendirian tanpa menggandingkan dengan elemen *al-Ījāz*. Apa yang pasti, kesemua enam (6) kajian tersebut memaparkan beberapa sampel *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran. Jenis kajian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Jenis kajian

Bil.	Penulis dan tahun terbitan	Jenis kajian
1.	Azhar Muhammad (2008)	Buku
2.	Athailah Junaidy (2012)	Tesis
3.	Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Mohd Akil Muhamed Ali (2014)	Jurnal
4.	Roslan Ab Rahman, Md. Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim (2017)	Jurnal
5.	Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah (2019)	Jurnal
6.	Nura Fajria (2020)	Jurnal

Kajian Azhar Muhammad (2008) berbentuk penulisan buku dan diterbitkan oleh Penerbit UTM Press, Skudai Johor. Kajian ini menarik kerana membincangkan bentuk-bentuk gaya bahasa perumpamaan di dalam al-Quran termasuklah *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb*, namun maklumat tidak boleh dicapai sepenuhnya melalui atas talian secara percuma kecuali hanya dipaparkan sinopsis dan isi kandungan. Pembaca juga tidak boleh akses analisis contoh *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran. Manakala lima (5) kajian lain boleh diakses sepenuhnya melalui atas talian secara percuma.

Kajian Athaillah Junaidy (2012) adalah tesis doktor falsafah di Universiti Malaya. Manakala empat (4) kajian lagi adalah dalam bentuk jurnal. Kajian Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Mohd Akil Muhamed Ali (2014) diterbitkan dalam *Mediterranean Journal of Social Sciences*, kajian Roslan Ab Rahman, Md. Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim (2017) dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, kajian Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah (2019) dalam *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* dan kajian Nura Fajria (2020) dalam *Syariat: Jurnal Studi al-Quran dan Hukum*.

Batasan Kajian Lepas Berkaitan Elemen *al-Ijāz* Dan *al-Iṭnāb* Dalam Al-Quran

Hasil analisis batasan kajian-kajian lepas berkaitan *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb* boleh dikategorikan kepada dua (2) perkara berikut:

i) Elemen *al-ijāz* dan *al-iṭnāb* disentuh dalam subjek kajian lain.

Kajian yang menyentuh elemen *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb* secara tidak langsung dalam subjek kajian lain ialah kajian Azhar Muhammad (2008) dan Athaillah Junaidy (2012). Kajian Azhar Muhammad (2008) membincangkan kedua-dua elemen *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb* dalam bab 1 buku yang mana kedua-dua gaya bahasa tersebut dianggap asas kesenian perumpamaan al-Quran selain daripada gaya bahasa simile (*al-Tashbīh*), perlambangan (*al-Majāz*), dan metafora (*al-Isti'ārah*). Penulis menggunakan istilah peringkasan untuk *al-Ijāz* dan penghuraian untuk *al-Iṭnāb*. Penulis mengupas bentuk, tujuan dan keunikan perumpamaan al-Quran melalui analisis terhadap beberapa contoh ayat al-Quran berserta huraian berdasarkan tema Pendidikan.

Kajian Athaillah Junaidy (2012) pula meneliti dan meninjau peranan al-Sakkākī terhadap perkembangan ilmu balaghah. Dalam bab 5 tesis, penulis mengemukakan sumbangan al-Sakkākī kepada ilmu al-Ma'āni dan antaranya adalah *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb*. Penulis menggunakan istilah peringkasan untuk *al-Ijāz* dan penambahan untuk *al-Iṭnāb*. Penulis hanya mengemukakan satu contoh *al-Ijāz* dalam al-Quran iaitu ayat 2 surah al-Baqarah, manakala contoh *al-Iṭnāb* pula ayat 75 surah al-Kahfī.

ii) Elemen *al-ijāz* dan *al-iṭnāb* dipaparkan secara langsung sebagai tajuk kajian.

Selebihnya tiga (3) kajian lagi memaparkan elemen *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb* secara bersama sebagai tajuk kajian, manakala baki lagi satu (1) kajian hanya membincangkan elemen *al-Iṭnāb*. Kajian Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman dan Mohd Akil Muhamed Ali (2014) dalam bahasa Inggeris mengkaji penggunaan *al-Ijāz* dan *al-Iṭnāb* dalam struktur ayat al-Quran. Kajian ini memilih salah satu karya tafsir

terkini di Nusantara sebagai objek kajian iaitu Tafsir *al-Mishbah* oleh Shihab. Namun, kajian ini hanya mengemukakan tujuh (7) ayat sebagai sampel kajian iaitu Surah *al-Wāqī‘ah* (56:70), Surah *al-Wāqī‘ah* (56:20-21), Surah *al-Tahrīm* (66:5), dan Surah *al-Hadīd* (57:12) bagi *al-Ījāz* serta Surah *al-Sajadah* (32:22), Surah *al-Hashr* (59:22) dan Surah *al-Mumtaḥanah* (60:6) bagi *al-Iṭnāb*. Perbincangan setiap sampel menjurus kepada bentuk *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat dalam penulisan tafsir *al-Mishbah*.

Kajian Ahmad Kamal Embong dan Md Nor Abdullah (2019) pula memilih 10 ayat sahaja daripada surah *al-Kahf* sebagai sampel kajian. Penulis membincangkan lima (5) contoh *al-Ījāz* yang terdapat dalam surah *al-Kahf* iaitu ayat 2 (*ḥadhf* objek), ayat 5 (*ḥadhf* pelaku), ayat 97 (*ḥadhf* huruf), ayat 99 (*ḥadhf* kata adjektif) dan ayat 7 (*Ījāz al-Qiṣr*). Seterusnya, penulis membincangkan lima (5) contoh *al-Iṭnāb* yang terdapat dalam Surah *al-Kahf* iaitu ayat 32, 33, 38, 56 dan 98. Perbincangan semuanya menjurus kepada unsur retorik yang ada dalam struktur ayat.

Sementara itu, kajian Nura Fajria (2020) pula membincangkan tentang *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* dalam kisah nabi Musa AS. Penulis membincangkan enam (6) ayat al-Quran sahaja daripada kisah tersebut sebagai sampel kajian. Antara gaya bahasa *al-Ījāz* yang dianalisis adalah ayat 51 surah *al-Baqarah* (pengguguran *muḍāf*), ayat 142 surah *al-A‘raaf* (pengguguran *muḍāf* ilaīh) dan ayat 24 surah *Taha* (*Ījāz al-Qiṣr*). Antara gaya bahasa *al-Iṭnāb* yang dianalisis adalah ayat 54 surah *al-Baqarah* yang berupa *al-Iṭnāb al-Jumlah* dengan tujuan memberikan keterangan tambahan (*بغرض التذييل*), ayat 103 surah *al-A‘raaf* dan ayat 41 surah *al-Syu‘arā‘*.

Penulis membincangkan enam (6) ayat tersebut dari segi tujuan atau objektif penurunan ayat al-Quran bagi menonjolkan korelasi antara *al-Ījāz* dengan *al-Iṭnāb*. Sebagai contoh penulis tidak menganalisis ayat 24 surah *Taha* dan ayat 103 surah *al-A‘raaf* dari segi retoriknya tetapi hanya menyatakan bahawa kedua-dua ayat tersebut mempunyai hubungan kemaknaan dari segi penceritaan kisah nabi Musa AS. Begitu juga penulis tidak menganalisis ayat 41 surah *al-Syu‘arā‘* dari segi retoriknya.

Manakala, kajian Roslan, Md. Nor, Abdul Wahid dan Abdulsoma (2017) menganalisis tiga (3) sampel ayat al-Quran yang menggunakan gaya bahasa *al-Iṭnāb* iaitu Surah *Āl ‘Imrān* (3:97), Surah *al-Baqarah* (2:238) dan Surah *al-An‘ām* (6:162). Para penulis hanya memfokuskan tiga (3) jenis *al-Iṭnāb* sahaja daripada 10 jenis *al-Iṭnāb* berdasarkan pengklasifikasian Faḍ Ḥasan ‘Abbās. Tiga (3) jenis tersebut ialah *al-īdāh ba‘d al-ibhām* (الإيضاح بعد الإبهام), *zīkr al-khāṣ ba‘d al-‘ām* (ذكر الخاص بعد العام) dan *zīkr al-‘ām ba‘d al-khāṣ* (ذكر العام بعد الخاص). Walau bagaimanapun, penulis juga mengemukakan di awal penulisannya dua (2) contoh *al-Iṭnāb* tanpa perincian iaitu Surah *Taha* (20:120) dan Surah *al-Anbiyā‘* (21:34-35).

Metode Kajian Lepas Berkaitan Elemen al-Ījāz Dan al-Iṭnāb Dalam Al-Quran

Dari sudut metode kajian yang digunakan oleh enam (6) kajian lepas, didapati bahawa kajian Azhar Muhammad (2008) tidak menyatakan penggunaan metode tertentu kerana penulisan ini bersifat buku. Kajian Nura Fajria (2020) pula menimbulkan sedikit persoalan kerana penulis tidak menyatakan secara spesifik metode kajian walaupun kajian tersebut diterbitkan dalam jurnal. Namun, melalui pemerhatian didapati kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif dalam menganalisis data.

Kajian Athaillah Junaidy (2012) pula menjurus kepada kajian kepustakaan. Dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan dua (2) pendekatan iaitu kaedah persejarahan dan kaedah dokumentasi. Dalam proses analisis data, penulis menggunakan kaedah deduktif, kaedah induktif dan kaedah komparatif. Kajian ini menghuraikan tentang metode kajian secara lebih terperinci kerana kajian tersebut ialah tesis peringkat doktor falsafah.

Manakala, kajian Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman dan Mohd Akil Muhamed Ali (2014) pula ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah literatur dan analisis dokumen. Data dalam kajian mereka dihuraikan terlebih dahulu dari aspek terminologi sebelum dianalisis berpandukan konsep *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat dalam karya tafsir *al-Misbah*. Kajian Roslan, Md. Nor, Abdul Wahid dan Abdulsoma (2017) tertumpu kepada kepentingan *al-Iṭnāb* dalam al-Quran dengan menggunakan kajian kualitatif melalui pendekatan deskriptif. Pemilihan sampel kajian berasaskan kaedah persampelan bertujuan dan dianalisis secara deskriptif. Begitu juga dengan kajian Ahmad Kamal Embong dan Md Nor Abdullah (2019) yang merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif.

Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Elemen Al-Ījāz Dan Al-Iṭnāb Dalam Al-Quran

Dari sudut dapatan kajian, kajian Azhar Muhammad (2008) merumuskan bahawa ayat al-Quran kaya dengan gaya bahasa yang indah melalui penggunaan perumpamaan termasuklah gaya bahasa *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb*. Ini berbeza dengan kajian Athaillah Junaidy (2012) yang memberikan tumpuan kepada peranan tokoh dalam mengembangkan ilmu balaghah iaitu melalui peranan al-Sakkākī yang membincangkan aspek-aspek ilmu *al-Ma'āni* seperti *al-Ījāz*, dan *al-Iṭnāb* secara sistematis dan berbeza dengan perbincangan-perbincangan sebelumnya. Karya beliau *Miftāḥ al-'Ulūm* telah mendapat perhatian yang besar daripada para ulama selepasnya. Walau bagaimanapun, kajian Athaillah Junaidy (2012) hanya menyebut dua contoh sahaja daripada ayat al-Quran berkaitan *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb*.

Kajian Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman dan Mohd Akil Muhamed Ali (2014) pula mendapati bahawa Shihab mengambil kira kaedah *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* dalam pentafsirannya terhadap ayat al-Quran sebagaimana yang diguna pakai dan

dirumuskan oleh para pentafsir al-Quran. Kajian Ahmad Kamal Embong dan Md Nor Abdullah (2019) mendapati penggunaan gaya bahasa *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* dalam Surah *al-Kahf* mempunyai perkaitan rapat dengan sebutan sesuatu lafaz, binaan ayat, hubungan antara ayat dengan ayat lain dan situasi pengungkapan ayat. Manakala kajian Nura Fajria (2020) merumuskan keenam-enam data *al-Ījāz* dan *al-Iṭnāb* dalam kisah nabi Musa adalah saling melengkapi dan mendukung makna antara satu sama lain meskipun menggunakan redaksi yang berbeza.

Kajian Roslan, Md. Nor A, Abdul Wahid dan Abdulsoma (2017) yang hanya mengkaji tentang *al-Iṭnāb* mendapati bahawa gaya bahasa *al-Iṭnāb* dalam al-Quran mempunyai keistimewaan tersendiri sehingga menjadikannya sebahagian daripada unsur *I’jāz* al-Quran. Hal ini sedemikian kerana *al-Iṭnāb* mempunyai pertautan antara teori nahu dan balaghah dalam proses pentafsiran makna. Oleh itu, menguasai ilmu balaghah khususnya gaya bahasa *al-Iṭnāb* adalah sangat penting untuk memahami isi kandungan al-Quran.

PENUTUP

Berdasarkan analisis tinjauan literatur sistematik, pengkaji mendapati bahawa elemen *al-Ījaz* dan *al-Iṭnāb* al-Quran agak kurang dibicarakan secara ilmiah dan kelihatan masih asing dalam kalangan masyarakat bukan Arab. Hal ini terbukti dengan keberadaan enam (6) kajian akademik sahaja yang boleh dicapai secara mudah dan percuma melalui talian. Oleh itu, amat wajar kedua-dua elemen ini diberikan perhatian dalam pengkajian akademik dan diterokai serta ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat bukan Arab yang tidak boleh berbahasa Arab.

Penggunaan kaedah tinjauan literatur sistematik boleh memperlihatkan beberapa isu berkaitan skop pengkajian *al-Ījaz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran dari segi litupannya sama ada dari sudut jenis kajian, batasan, metode dan dapatan kajian terdahulu. Meskipun terdapat kajian lalu yang memfokuskan pengkajian isu *al-Ījaz* dan *al-Iṭnāb* yang terdapat di dalam al-Quran, tetapi pengkaji berpandangan kajian tersebut masih terbatas dan sedikit jika dibandingkan dengan litupan yang dicapai oleh cabang ilmu *al-Bayān*. Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya ditonjolkan figura retorika *al-Ījaz* dan *al-Iṭnāb* dalam kajian-kajian akan datang sama ada dalam kertas seminar, jurnal atau lain-lain agar adanya pengayaan literatur dalam bidang ilmu *al-Ma’āni* serta seimbang sumbangannya dengan ilmu *al-Bayān*. Selain itu, penerokaan dan sumbangan tulisan baharu berkaitan elemen *al-Ījaz* dan *al-Iṭnāb* ini dalam bahasa Melayu dan Inggeris boleh membantu untuk memahami al-Quran dengan lebih mendalam bagi masyarakat bukan Arab yang tidak boleh berbahasa Arab.

Dapatan kajian ini adalah signifikan untuk merumuskan keperluan menonjolkan pengkajian dalam isu *al-Ijaz* dan *al-Itṅab* yang melibatkan unit leksikal, struktur kata dan bentuk ujaran yang memberi implikasi kepada makna. Oleh yang demikian, penemuan kajian lepas boleh diintegrasikan dengan kajian akan datang untuk mengupas fenomena yang sedia wujud dengan cakupan yang lebih meluas seperti bidang penterjemahan, teknik ujaran komunikasi dan isu baharu berkaitan figura retorika *al-Ijaz* dan *al-Itṅab*.

Rumusannya, kajian lanjut dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada masa akan datang tentang figura retorika *al-Ijaz* dan *al-Itṅab* yang terdapat di dalam al-Quran amat diperlukan kerana kajian sedia ada masih terbatas jumlahnya iaitu hanya enam (6) kajian yang boleh diakses secara percuma di dalam talian. Selain itu, kajian lain yang lebih terfokus kepada *al-Ijaz* dan *al-Itṅab* juga diperlukan memandangkan kajian lepas menyentuh kedua-dua gaya bahasa tersebut dalam subjek kajian lain secara tidak langsung. Meskipun ada kajian lepas yang membincangkan *al-Ijaz* dan *al-Itṅab* yang terdapat di dalam al-Quran tetapi jumlahnya amatlah sedikit berbanding dengan apa yang telah disenaraikan oleh al-Sayyid al-Husaini (2007) dalam bukunya *Asālib al-Ma'āni fī al-Quran al-Karīm* (أساليب المعاني في القرآن الكريم) iaitu sebanyak tiga ratus lima puluh tujuh (357) data *al-Ijaz* dan *al-Itṅab* yang terdapat di dalam al-Quran.

RUJUKAN

- Abdul Wahid Salleh, Mohd Shaifulbahri Abdullah, Lazim Omar, Ahmad Zubaidi A. Latif, Nashaat Abdel Aziz Baioumy & Roslan Abd Rahman. (2016). *Al-balagha al-wāfiya*. Bangi, Malaysia: Darul Syakir Enterprise.
- Abu Hayyan al-Andalūsī, M. Y. (1993). *Tafsir al-bahr al-muhit*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Cetakan 1.
- Ach Thabrani. (2018). Nadzam dalam i'jaz al-Quran menurut Abdul Qahir al-Jurjani. *Jurnal al-Mi'yar*, 1(1), 1-14. Dicapai pada 1 Jun 2021 dari: <https://jurnal.stiq-amuntai.ac.id/index.php/al-miyar>.
- Ahmad Kamal Embong & Md Nor Abdullah. (2019). Figura retorika al-ijaz dan al-itṅab: Analisis surah al-Kahf. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 48-61. Dicapai pada 1 Jun 2021 dari: <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/46>
- Al-Alusi, A. F. (1994). *Tafsir Ruh al-ma'ani fī tafsir al-Quran al-Azīm wa sabu al-mathani*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyya. Cetakan 1.
- Al-'Anīy, Abd al-Qahhar Daud. (2001). *Dirasat fī 'ulūm al-Quran*. Kuala Lumpur: Research Management Centre IIUM.
- Al-Hāshimī, S. A. (1999). *Jawahir al-balagha fī al-ma'āni wa al-bayān wa al-badī'*. Beirut, Lubnan: Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Maydānī, A. R. (1996). *al-Balaghah al-Arabiah ususuha wa 'ulumuha wa fununuha*. Damsyik, Syria: Dar al-Qalam.

- Al-Qurthubi, M. (2006). *Al-Jāmi’ li-ahkām al-Qurān*. A. Abdullah, ed.. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah. Cetakan 1.
- Al-Rūmī, Fahad bin ‘Abd Rahman. (2000). *Khaṣa’iṣ al-Quran al-karim*. Riyadh, Arab Saudi: Maktabah al-Taubah.
- Al-Sayyid al-Husainī, S. J. (2007), *Asālīb al-ma’āni fi al-Quran al-karim*. Iran: Muassasah Bustan.
- Al-Suyūṭī, J. A. Rahman. (1998). *Mu’tarak al-aqrān fi i’jāz al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Al-Ṭahānawī, A. (1996). *Mawsu’ah kashshaf istilah al-funun wa al-‘ulum*. Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Al-Zamakhsharī, Abu al-Qasim Mahmud ibn Umar ibn Muhammad. (1995). *Al-Kashāf ‘an haqa’iq ghawamiḍ al-tanzil wa ‘uyun al-aqāwīl fi wujūh al-ta’wīl*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyya.
- Al-Zurqāni, Muhammad ‘Abd al-‘Azim. (2003). *Manāhil al-‘irfān fi ‘ulūm al-Quran*. Kaherah, Mesir: Dar al-Salam.
- Athaillah Junaidy. (2012). Al-Sakkākī dan Peranannya Dalam perkembangan Ilmu Balaghah. Tesis Doktor Falsafah. Tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Azhar Muhammad. (2008). *Perumpamaan al-Quran*. Skudai Johor, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press. Dicapai pada 1 Jun 2021 dari: https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=_6CWNHs0E04C&oi=fnd&pg=PP2&dq=Perumpamaan+al-Quran&ots=x1MGYNacXn&sig=V7o7rqZpJ9SXQPaa-7IuHU-2A_s&redir_esc=y#v=onepage&q=Perumpamaan%20al-Quran&f=false
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-ma’āni dalam terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Radiah Mezah. (2001). Al-Lughah al-Arabiyyah wa khashaishuha. Dalam *Monograf bahasa Arab*. Serdang: Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Faḍ Hassan Abbas. (2004). *Al-Balaghah funūnuhā wa afnānuhā: ‘Ilmu ma’āni*. Amman, Jordan: Dar al-Furqan. Cetakan 9.
- Fayūd, B. A. F. (1998). *‘Ilmu al-ma’āni dirasa balaghiyya wa naqdiyya li masā’il al-ma’āni*. Kaherah, Mesir: Muassasah al-Mukhtar. Cetakan 2.
- Hall, R.A. (1968). *An essay on language*. Philadelphia dan New York, Amerika Syarikat: Chilton Book.
- Hisham Hariz, S. M. (2006). *Naẓarāt min al-i’jāz al-bayānī fi al-Qur’ān al-karīm*. Amman, Jordan: Dar al-Syuruq.
- Ibn ‘Asyūr, M. (1984). *Tafsir al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Ibnu Jinni, Abu al-Fath Uthman bin Jinni Al-Mushily. (2004). *Al-Khaṣaiṣ*. (pnyt) Muhammad, Abd al-Hakim. Kaherah, Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.

- al-Jārim, A. dan Amin, M. (1999). *Al-Balagha al-waḍiḥa*. Kaherah, Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Lāshin, A. F. (2002). *Al-Ma'āni fī ḍaw asālīb al-Quran al-karim*. Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi. Cetakan 4.
- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occupational and environmental medicine*, 60(1), 3-9. <http://dx.doi.org/10.1136/oem.60.1.3>
- Mohd. Zaki Abd Rahman. (2013). *Balaghah Melayu berdasarkan balaghah Arab: Satu pengenalan dalam ilmu ma'ani*. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Nasimah Abdullah dan Lubna Abd Rahman. (2018). Terjemahan Kata Panggilan Bangsawan dalam Wacana al-Quran: Penjelasan dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Penterjemah*, 20(2), 88-104.
- Roslan Ab Rahman, Md Nor Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Abdulsoma Thoarlim. (2017). Kepentingan Balaghah al-Itab dalam al-Quran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 20-39. Dicapai pada 1 Jun 2021 dari: <https://www.proquest.com/openview/2b966a9aa247b5fb70ed8d80c6cef1eb/1?pq-origsite=gscholar&cbl=4827496>
- Sapir, Edward. (1921). *Language*. New York: Harcourt Brace.